

UTeM/SH/061/2021

SEBUT HARGA PENSIJILAN ISO 9001 SISTEM PENGURUSAN KUALITI BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH 3 TAHUN IAITU TAHUN 2021 (PENSIJILAN SEMULA), TAHUN 2022 (AUDIT PENGAWASAN 1), TAHUN 2023 (AUDIT PENGAWASAN 2) UNTUK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).

Tarikh Sebut Harga Dipamer	30 OGOS 2021		
Tarikh Sebut Harga Dijual	30 OGOS 2021 HINGGA 13 SEPTEMBER 2021		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	14 SEPTEMBER 2021 Jam 12:00 Tengahari	Harga Naskah Meja	RM20.00
Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran	9 HINGGA 14 SEPTEMBER 2021 (Sebelum Jam 12:00 Tengah hari)		

WAKTU OPERASI KAUNTER UNIT PEROLEHAN:

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8:30 pagi - 12:30 tengah hari	Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
	2:30 petang - 4:30 petang	
Jumaat	8:30 pagi - 12:00 tengah hari	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal
	3:00 petang - 4:30 petang	
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Tutup	

ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT

- Sebut Harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil seperti berikut:
 - SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) DAN**
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG: 222704 [Pensijilan dan Pengiktirafan]**

Penyebut harga perlu membawa **SATU (1)** salinan dokumen yang dinyatakan di atas untuk tujuan **pembelian dokumen sebut harga**.
- Bagi tujuan Pembelian Naskah Sebut Harga:
 - Penyebut harga perlu mendaftarkan syarikat dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utm.edu.my/iclm/> bagi syarikat yang belum berdaftar dalam **e-vendor UTeM** sebelum membeli naskah sebut harga dalam bentuk cakera padat.
 - Penyebut harga perlu membuat temujanji pembelian naskah sebut harga melalui pautan berikut <https://www.picktime.com/temujanjiupe>
 - Penyebut harga perlu mengemukakan maklumat kehadiran ke Kaunter Unit Perolehan dengan mengisi borang pada pautan berikut <https://pkpluar.utm.edu.my> sehari sebelum hadir (sila mohon sebelum jam 5:00 petang) serta menghantar screenshot permohonan ke emel rozinah@utm.edu.my bagi tujuan Kebenaran Memasuki Kampus UTeM.
 - Penyebut harga bertanggungjawab untuk mendapatkan Surat Kebenaran Merentas Daerah/Negeri dari Pihak Bekuasa sepanjang tempoh PKP 3.0.

UTeM/SH/061/2021

3. Pembayaran naskah sebut harga ini hanya boleh dibayar secara **KAD DEBIT / KAD KREDIT / WANG POS / KIRIMAN WANG / BANK DERAJAT** sahaja atas nama **BENDAHARI UTeM**. Sila mematuhi arahan dan maklumat yang telah dinyatakan di atas bagi memudahkan proses pembelian naskah sebut harga.
4. **Penghantaran Dokumen Tawaran Sebut Harga:**
 - a. Sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier sahaja.
 - b. Sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier di alamat **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka**. Penyebut harga perlu memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada **14 SEPTEMBER 2021 jam 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
 - c. Waktu operasi **Unit Mel UTeM** adalah pada setiap hari **Selasa** dan **Khamis** sahaja bermula jam **9:00 pagi** sehingga **4:00 petang**.


.....
Tandatangan

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari Kanan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

.....
Cap Jawatan

UTeM/SH/061/2021

Kaedah Penghantaran Tawaran Sebut Harga adalah seperti berikut:

- Dokumen sebut harga perlu dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy) dan perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri.
- Penyerahan/penerimaan dokumen sebut harga melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier sahaja** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM** bermula dari **9 HINGGA 14 SEPTEMBER 2021**. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.**
- Tarikh dan masa tutup sebut harga dikira semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Penyebut harga perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut menepati tarikh dan masa tutup sebut harga ini. Waktu operasi Unit Mel UTeM pada setiap hari **Selasa** dan **Khamis** sahaja.
- Setiap sampul tawaran sebut harga yang dipos oleh penyebut harga hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
- Dokumen tawaran sebut harga perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, HANG TUAH JAYA, 76100 DURIAN TUNGGAL MELAKA. UTeM/SH/061/2021**
- Alamat pengirim perlu dinyatakan dengan **alamat syarikat yang membeli dokumen sebut harga ini sahaja**. Tidak boleh menggunakan alamat persendirian atau syarikat lain.
- Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran sebut harga ini perlu menyatakan **NO. SEBUT HARGA** di **penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. Di akhir alamat perlu menyatakan sekali lagi **NO. SEBUT HARGA** (sila lihat contoh).

UTeM/SH/061/2021

UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL
MELAKA.
UTeM/SH/061/2021

Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.